

Mutu tugas sektor awam tambah baik

MUTU tugas kakitangan kerajaan sudah bertambah baik berikutan beberapa perubahan yang dilakukan oleh kerajaan.

Ketua Pengarah Unit Pemodernan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (Mampu), Dr Othman Yeop Abdullah, berkata ini menyebabkan imej kakitangan kerajaan juga sudah meningkat.

"Setakat ini, kita sudah pun mencapai sesuatu dalam pembentukan imej kakitangan kerajaan sebagaimana diharapkan. Jika dulu kita tidak ada sistem kerja yang baik, sekarang kita sudah pun mengamalkan arahan-arahan Perdana Menteri.

"Sekurang-kurangnya sekarang, sudah timbul kesedaran mengenai kepentingan masa, mutu kerja dan pengeluaran kerana hasil kerja setiap seorang itu dinilai menjelang akhir tahun.

Rasuah

"Begitu juga dengan masalah rasuah di kalangan pegawai kerajaan juga semakin berkurangan berbanding tahun-tahun sebelum 80-an," katanya.

Menurutnya, tiga corak imej yang hendak dibentuk dalam pentadbiran awam ialah:

- Bersih — mengurangkan amalan memberi dan menerima rasuah, kebersihan tandas dan pejabat;

- Cekap -- tumpuan kepada kecekapan seseorang pegawai dan kakitangan biasa menggunakan wang kerajaan. Ini termasuklah kecekapan seseorang itu menyiapkan tugasnya dalam waktu paling singkat; dan,

- Hubungan dengan orang ramai. Ini penting

kerana ia mencerminkan keseluruhan imej sesebuah jabatan dan agensi.

Dr Othman berkata berbanding dengan Brazil, Mexico dan beberapa negara lain, perkhidmatan awam di negara ini jauh lebih baik.

Malah, ia setanding dengan negara-negara yang memberikan khidmat terbaik, tambahnya.

"Pencapaian ini harus dikekalkan dan diteruskan bagi menjamin keberkesannya.

"Dengan itu juga, tidaklah nanti kita dikatakan, hanya pandai memulakan tetapi tidak tahu mengekalkan mutu perkhidmatan awam yang baik," katanya.

Bagaimanapun, tanggungjawab diberikan perkhidmatan yang baik tidak terletak di bahu pekerja semata-mata. Ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan juga mempunyai tugas

penting.

Mereka harus berfikiran maju dan positif bagi memastikan kecekapan pentadbiran.

"Setiap ketua jabatan sepatutnya dapat melihat apa akan berlaku pada masa depan, termasuk masalah dan kehendak orang ramai mengenai perkhidmatan awam.

"Kita tidak mahu pegawai hanya tahu bertindak setelah sesuatu perkara itu berlaku, sebaliknya mesti berfikir strategik. Dalam ertikata lain, mereka ialah pakar menggubal strategi jangka pendek dan jangka panjang mengenai perkhidmatan di jabatannya," kata beliau.

Ketua-ketua jabatan juga mesti mengadakan pemeriksaan dari semasa ke semasa, dengan meneliti sejauh mana arahan-arahan mengenai kebersihan pejabat dan kecekapan bekerja dilaksanakan.

"Di Mampu, misalnya, soal kebersihan paling diutamakan. Saya akan melawat unit-unit di jabatan ini dan memastikan pasu-pasu bunga tidak menjadi tempat abu rokok," katanya.

Setiap laporan mengenai mutu perkhidmatan awam di semua jabatan dikemukakan kepada Kabinet sebagai maklumat dan tindakan selanjutnya.

Sebagai penghargaan kepada pentadbiran yang bersih dan cekap, penganugerahan pejabat terbaik diadakan. Secara tidak langsung, ia menjadi dorongan kepada jabatan-jabatan lain untuk memberikan khidmat terbaik.

Dr Othman berkata, pembentukan imej secara tidak langsung membantu meningkatkan ekonomi negara, dengan menarik perhatian pelabur-pelabur asing.

"Sekurang-kurangnya sekarang, sudah timbul kesedaran mengenai kepentingan masa, mutu kerja dan pengeluaran kerana hasil kerja setiap seorang itu dinilai menjelang akhir tahun.